

Selepas 50 tahun, Johor dapat semula loji rawatan air, rumah pam

Singapura kembalikan prasarana

KOSMO 2/7/2011 MS 2.

JOHOR BAHRU – Singapura menyerahkan semula dua loji rawatan air serta dua rumah pam kepada Johor selepas tamat Perjanjian Air 1961 secara rasmi kelmarin.

Selain Loji Air Gunung Pulai, republik itu menerusi Lembaga Perbekalan Awam Singapura (PUB) menyerahkan Loji Air Sungai Skudai, Rumah Pam Tebrau dan Rumah Pam Pontian berikutan tamatnya kontrak bekalan air selama 50 tahun.

Majlis penyerahan keempat-empat prasarana kemudahan rawatan air itu disaksikan oleh Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar di Loji Air Gunung Pulai kelmarin.

Ia disempurnakan secara bersama oleh Pengerusi PUB, Tan Gee Paw dan Setiausaha Kerajaan Negeri Johor, Obet Tawil.

Turut hadir ialah Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman dan Menteri Alam Sekitar dan Sumber Air Singapura, Dr. Vivian Balakrishnan.

Keputusan untuk menyerahkan kemudahan air itu secara percuma dicapai semasa pertemuan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak dan rakan sejawatannya, Lee Hsien Loong pada 24 Mei tahun lalu.

akan mengurus 43 daripada 44 loji rawatan air di negeri itu manakala PUB akan terus menguruskan Loji Rawatan Air Sungai Johor dan Empangan Linggiu di Johor.


Terdapat dua Perjanjian Air Johor-Singapura iaitu Perjanjian Air 1961 yang tamat pada 31 Ogos 2011 dan Perjanjian Air 1962 yang akan tamat pada 2061.

Melalui perjanjian kedua itu, Malaysia bersetuju untuk meneruskan pembekalan air ke Singapura selepas tamatnya Perjanjian 1961 mengikut syarat-syarat yang dipersetujui bersama.

Antara syaratnya ialah Malaysia membekalkan sebanyak 250 juta liter air mentah sehari ke Singapura dan membeli balik air yang sudah ditapis dari loji yang diuruskan oleh Singapura di Johor.

Berdasarkan perjanjian itu juga, Malaysia menjual air mentah pada harga tiga sen bagi setiap 1,000 gelen dan membeli semula air yang telah dirawat pada harga 50 sen setiap 1,000 gelen.

Dalam pada itu, Abdul Ghani berkata, Johor akan terus meneroka sumber bekalan air baru sebagai persediaan jangka panjang.



PEMANDANGAN Loji Air Gunung Pulai, Pontian yang diserahkan semula oleh Singapura kepada Johor selepas Perjanjian Air 1961 tamat secara rasmi kelmarin.

duduk dan industri,” katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka di kediamannya di Muar semalam.

hubungan antara Singapura dan Malaysia,” kata Dr. Vivian kepada saluran televisyen Channel News Asia Singapura kelmarin.

Lee Hsien Loong pada 24 Mei tahun lalu. Sebelum ini, dilaporkan penyerahan kemudahan air oleh PUB itu akan menghasilkan tambahan 681 juta liter air bersih sehari untuk negeri Johor.

Ekoran tamatnya perjanjian itu, Johor

Beliau berkata, langkah terbaharu ialah penerokaan sumber air dari Sungai Sedili Besar di Kota Tinggi.

“Ini adalah sebahagian daripada rancangan menyediakan bekalan air melangkaui jangka masa panjang untuk keperluan pen-

Dr. Vivian pula berkata, penyerahan empat kemudahan rawatan air itu tidak akan menjejaskan bekalan air di republik itu.

“Ia dilakukan atas dasar baik dan simbolik kepada peningkatan

INFO Kronologi Perjanjian Air Singapura-Johor

1924 - Loji Air Gunung Pulai siap dibina.

1961 - Perjanjian Air 1961 dimeterai antara kerajaan Singapura dan Johor.

1962 - Kontrak pajakan kedua, Perjanjian Air 1962 ditandatangani dan akan tamat pada tahun 2061.

1964 - Loji Air Skudai mula beroperasi.

Mei 2010 - Singapura umum tidak akan sambung perjanjian air.

Mei 2010 - Jawatankuasa Teknikal Bersama dan Kumpulan Kerjasama melibatkan pegawai Lembaga Perbekalan Awam (PUB) Singapura dan kerajaan Johor ditubuhkan bagi penyerahan loji air.

31 Ogos 2011 - Perjanjian Air 1961 tamat dan Singapura serah Loji Air Skudai, Loji Air Gunung Pulai, Rumah Air Pam Pontian dan Rumah Pam Tebrau.

Syarikat Air Johor Holdings (SAJ) akan mengambil alih tugas menguruskan loji berkenaan dan PUB Singapura akan terus menguruskan Loji Rawatan Air Sungai Johor dan Empangan Linggiu.



Petunjuk:

1. Rumah Pam Pontian
2. Loji Air Gunung Pulai
3. Loji Air Sungai Skudai
4. Rumah Pam Tebrau
5. Loji Rawatan Air Sungai Johor
6. Empangan Linggiu

Penyerahan loji peristiwa bersejarah

PAGOH - Penyerahan empat kemudahan loji rawatan air oleh Lembaga Perbekalan Awan Singapura (PUB) kepada kerajaan Johor kelmarin merupakan satu sejarah yang bermakna ketika negara menyambut Hari Kemerdekaan ke-54, kata Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin (gambar).



gambar.

Selain Loji Air Gunung Pulai, PUB

“Ini peristiwa bersejarah setelah sekian lama kita bantu Singapura. Kita harap ini suatu manifestasi hubungan istimewa Singapura-Johor yang sudah lama berlaku,” katanya kepada pemberita pada majlis rumah terbuka Aidilfitri beliau di Kompleks Seri Pekembar di sini kel-

menyerahkan Loji Air Skudai, Rumah Pam Tebrau dan Rumah Pam Pontian berikutan kontrak bekalan air selama 50 tahun tamat antara PUB dan kerajaan negeri Johor di bawah Perjanjian Air 1961 kelmarin.

Muhyiddin percaya setelah penyerahan balik kemudahan air itu kerajaan negeri akan menguruskannya dengan sebaiknya bagi membekalkan air kepada penduduk di negeri ini.